

**JAWAB SEMUA SOALAN**

1. Antara berikut, yang manakah benar tentang tujuan perniagaan?
  - A Untuk memajukan perniagaan
  - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
  - C Mendapatkan keyakinan daripada pelabur
  - D Membantu golongan yang kurang berkemampuan
2. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis milikan perniagaan

- Modal diperoleh daripada simpanan pemilik sendiri
  - Pemilik sendiri yang menguruskan perniagaan

- Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?
- A Milikan tunggal
  - B Perkongsian
  - C Syarikat
  - D Koperasi
3. Gambar 1 berkaitan dengan pemilikan perniagaan.



- Antara yang berikut, pernyataan manakah berkaitan pemilikan perniagaan tersebut?
- I Cukai pendapatan yang rendah.
  - II Tiada had maksimum pemegang saham.
  - III Liabiliti terhad atas modal yang dilaburkan.
  - IV Modal daripada jualan syer kepada 10 orang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

4. Gambar di bawah ini berkaitan dengan sejenis perniagaan



Apakah cabaran yang dihadapi oleh perniagaan tersebut?

- A Ketidakpastian pasaran
- B Kos overhead yang tinggi
- C Perundungan peraturan
- D Perbelanjaan perniagaan cenderung naik secara mendadak

- 5.




Pernyataan manakah yang menerangkan perniagaan di atas?

- I Berskala global
  - II Perniagaan bersaiz besar
  - III Terlibat dalam sektor kedua
  - IV Menyediakan perkhidmatan langsung
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

6. Skala Perniagaan PETRONAS merangkumi luas merentasi sempadan negara. Bagaimanakah strategi pasaran yang sesuai yang boleh dilakukan oleh perniagaan dalam mengharungi pandemik Covid-19 yang berlaku kini.

- A Memenuhi keperluan masyarakat setempat
- B Pasaran mudah ditembusi dengan wujudnya internet
- C Menggunakan strategi pemasaran yang berbeza-beza untuk menarik pengguna
- D Memberikan tumpuan kepada kawasan –kawasan tertentu yang telah dikenalpasti.

7. Bagaimanakah peranan kerajaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dapat membantu usahawan tempatan ?
- A Dapat meningkatkan kegiatan promosi
  - B Dapat mengatasi masalah kekurangan modal
  - C Dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti keluaran
  - D Dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan
8. Rajah menunjukkan trend perniagaan negara Y pada setiap suku tahun 2017.



Apakah trend perniagaan negara Y bagi suku kedua dan suku ketiga tahun 2017?

- A Mendatar
- B Menurun
- C Menegak
- D Meningkat

9. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan satu agensi kerajaan dalam menangani isu Tempatan.



- Meningkatkan kadar faedah
- Mengurangkan kadar faedah

Mengapa kerajaan bertindak sedemikian?

- A Mengatasi deflasi  
B Mengurangkan inflasi  
C Menstabilkan ekonomi  
D Mengawal sistem kewangan
10. Maklumat yang berikut menunjukkan dasar-dasar yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan pusat

- Dasar fiskal
- Dasar kewangan

Mengapa kerajaan melaksanakan dasar-dasar tersebut

- A untuk menjamin keadaan ekonomi yang stabil  
B untuk menggalakkan eksport barang tempatan  
C untuk mengurangkan aliran yang masuk mata wang asing  
D untuk meningkatkan permintaan barang keluaran tempatan


11. Apakah faktor dalaman bagi trend persekitaran perniagaan?

- I Ekonomi
  - II Jaringan
  - III Pengeluaran
  - IV Teknologi maklumat
- A I dan II  
B II dan III  
C I dan III  
D III dan IV

12. Apakah maksud visi perniagaan?

- A Apa yang ingin dicapai oleh organisasi
- B Tujuan penubuhan sesebuah organisasi
- C Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
- D Sesuatu yang dibentuk untuk memotivasi pekerja

13. Gambar di bawah berkaitan dengan penetapan objektif.



Apakah ciri objektif yang baik berdasarkan gambar di atas?

- A Spesifik dan munasabah
- B Spesifik dan jangka masa
- C Munasabah dan jangka masa
- D Munasabah dan boleh dicapai

14. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan penetapan objektif?

- A Membantu perniagaan membuat perancangan
- B Menjelaskan tujuan penubuhan organisasi perniagaan
- C Menjadi sasaran yang membantu pencapaian tujuan organisasi
- D Memastikan halatuju perniagaan berada di landasan yang tepat

15. Pernyataan yang berikut menunjukkan kitaran ekonomi.

Tahap ini memberi kesan negatif terhadap perniagaan. Perniagaan perlu mengubah suai visi, misi, dan objektif perniagaan.

Apakah tahap yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Melambung
- B Kemelesetan
- C Pertumbuhan
- D Kemerosotan

16. Apakah kesan keupayaan mengubah visi, misi dan objektif kepada sesebuah perniagaan akibat perubahan persekitaran teknologi?

- A Teknologi menjanjikan kecekapan dalam pengeluaran
- B Organisasi perniagaan akan mengurangkan pelaburan teknologi
- C Penggunaan teknologi terkini meningkatkan kos pengeluaran
- D Kuantiti pengeluaran dapat dikurangkan

17. Gambar yang berikut menunjukkan seorang pekerja yang bekerja di sebuah syarikat.



Saya menjawab pertanyaan  
pelanggan berkenaan dengan  
barang dan perkhidmatan

Apakah bahagian fungsian pekerjaan bagi pekerja tersebut?

- A Kewangan
- B Pengagihan
- C pentadbiran
- D Khidmat pelanggan

18. Pernyataan manakah menerangkan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?

- A Merancang kewangan organisasi perniagaan
- B Menjalankan aktiviti sokongan untuk seluruh organisasi
- C Menyelaras aktiviti organisasi bagi mencapai matlamat organisasi
- D Merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal demi mencapai matlamat organisasi


19. Maklumat di bawah berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat terhadap bahagian fungsian E dalam sesebuah organisasi

- Laman Web
- Blog
- Laman Sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*

Apakah bahagian fungsian E?

- A Pemasaran
- B Pembelian
- C Jualan
- D Pengeluaran

20. Maklumat yang berikut berkaitan dengan dua buah organisasi perniagaan



Antara berikut, bahagian fungsian yang manakah hanya terdapat di Kilang Biskut Pak Maon?

- A Pembelian
  - B Pemasaran
  - C Pentadbiran
  - D Pengeluaran
21. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
- A Usaha untuk membina imej baik organisasi
  - B Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
  - C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
  - D Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi
22. Antara yang berikut, manakah fungsi ganjaran kepada pekerja?
- I Untuk menaikkan imej
  - II Untuk mewujudkan kesetiaan
  - III Untuk meningkatkan motivasi
  - IV Untuk mengurangkan tekanan kerja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23. Encik Salleh bekerja sebagai jurutera di sebuah kilang. Apakah potongan wajib ke atas gaji yang beliau terima?
- I Bayaran skim insurans
  - II Caruman kepada KWSP
  - III Caruman kepada PERKESO
  - IV Bayaran ansuran pinjaman perumahan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
24. Manakah merupakan sumber fizikal sebuah syarikat pengiklanan?
- A Pekerja mahir
  - B Bahan mentah
  - C Kilang dan mesin
  - D Bangunan dan kemudahan
25. Pernyataan manakah yang **benar** tentang tujuan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh sebuah organisasi?
- A Memastikan bahan mentah selamat digunakan
  - B Mengurangkan kecacatan dan kerosakan pada stok
  - C Memanjangkan jangka hayat penggunaan produk siap
  - D Meminimumkan kos operasi dan perbelanjaan organisasi
26. Bagaimanakah perniagaan melindungi sumber teknologi?
- A Memohon kelulusan daripada SIRIM
  - B Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
  - C Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan pihak MyIPO
  - D Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan syarikat insurans

27. Syarikat Penerbitan Berjaya memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan. Apakah tujuan syarikat tersebut berbuat demikian?
- A Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
  - B Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
  - C Mendapatkan kelulusan untuk menjual harga diskaun
  - D Mendapatkan kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara
28. Manakah kelemahan sumber pembiayaan luaran daripada bank atau institusi kewangan?
- A Modal terhad
  - B Jumlah pinjaman yang terhad
  - C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
  - D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat
29. Gambar di bawah menunjukkan suatu jenis bank.



Manakah yang diperlukan semasa membuat permohonan pembiayaan agensi berkenaan?

- I Salinan bil utiliti
  - II Lesen perniagaan
  - III Salinan kad pengenalan
  - IV Salinan lesen pihak berkuasa tempatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

30. Apakah maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan?

- I Potensi perniagaan
  - II Kelemahan perniagaan
  - III Keuntungan perniagaan
  - IV Kedudukan ekuiti perniagan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31. Manakah aset semasa?

- A Inventori
- B Bangunan
- C Kenderaan
- D Kelengkapan pejabat

32. Apakah tujuan Penyata Aliran Tunai disediakan?

- A Menghitung lebihan atau kurangan tunai
- B Merekodkan wang masuk dan wang keluar
- C Menghitung untung bersih dan kasar syarikat
- D Merekodkan segala penerimaan dan perbelanjaan modal

33. Antara berikut, situasi manakah menunjukkan ciri-ciri usahawan yang pandai mengambil peluang perniagaan?

- A Puan Siti menambahkan stok baju di kedainya
- B Encik Muthusamy merasmikan cawangan baharu perniagaannya
- C Encik Zailan melantik dua orang Pengurus pengeluaran di syarikatnya
- D Cik Amelia membuka taska kanak-kanak di kawasan perumahan baharu

34. Mengapakah promosi penting dalam proses pemasaran barang pengguna?
- A Menentukan harga yang sesuai
  - B Menjamin keuntungan yang tinggi
  - C Menghadapi persaingan daripada pengeluar lain
  - D Menghasilkan produk yang dapat memenuhi kehendak pengguna
35. Pernyataan yang manakah menggambarkan tentang ciri-ciri keperibadian seorang usahawan?
- A Usahawan yang tabah akan mudah berputus asa
  - B Usahawan yang bijak akan pandai merebut peluang perniagaan
  - C Usahawan yang berdikari akan sentiasa mengharapkan bantuan orang lain
  - D Usahawan yang optimistik akan sentiasa membangunkan kehidupannya sahaja
36. Pernyataan manakah menunjukkan faedah mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?
- A Untuk mendapat ganjaran daripada SSM
  - B Untuk memudahkan mendapat rakan kongsi
  - C Untuk mendapatkan lesen premis dan permit perniagaan
  - D Untuk memudahkan usahawan menyediakan dasar perniagaan
37. Apakah ciri-ciri jenama yang baik?
- A Tahan lama
  - B Senang dikunjungi
  - C Senang dibawa
  - D Mudah diingat
38. Rancangan Perniagaan disediakan untuk keperluan individu-individu seperti berikut **kecuali** ?
- A Bank
  - B Pelanggan
  - C Usahawan
  - D Agensi Kerajaan

39. Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?
- A Mencari pekerjaan yang baharu
  - B Panduan memberikan pinjaman
  - C Garis panduan untuk menguruskan perniagaan
  - D Untuk membuat pelaburan di dalam perniagaan
40. Antara berikut pernyataan manakah bukan tujuan utama rancangan perniagaan disediakan?
- A Memohon pinjaman modal daripada rakan kongsi
  - B Merancang pelaksanaan perniagaan
  - C Memberi keyakinan kepada bank untuk membiayai kos pelaksanaan perniagaan
  - D Menyakinkan pihak pembekal untuk memberi kemudahan kredit atas barang yang dibekalkan